

16 MAR 2002

Ling-MCA/I

PRESIDEN MCA SERAH PADA JAWATANKUASA PEMANDU PUTUSKAN AGM

PETALING JAYA, 16 Mac (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik menyerahkan kepada jawatankuasa pemandu pemilihan parti untuk memutuskan sama ada akan menangguh atau meneruskan perhimpunan agung MCA yang dijadualkan pada 26 Jun.

"Ia terpulang kepada jawatankuasa pemandu, jika mereka mempunyai alasan untuk menangguhkan AGM, maka saya akan menghormati keputusan mereka tetapi janganlah sesuka hati menangguhkannya," katanya kepada pemberita selepas pertemuan dengan satu rombongan dari Penerbangan Xiamen di sebuah hotel terkemuka di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan yang disiarkan beberapa akhbar hari ini daripada satu kumpulan dalam MCA yang digelar Team B, meminta pucuk pimpinan MCA menangguhkan AGM, yang akan menyaksikan pemilihan bagi jawatan peringkat nasional, disebabkan perubahan jumlah anggota perwakilan yang akan menghadiri perhimpunan itu.

Para anggota MCA diberikan 21 hari dari 10 Feb untuk memeriksa senarai keanggotaan di peringkat cawangan, bahagian, negeri dan kebangsaan serta mengemukakan aduan mereka.

Jawatankuasa pemandu menerima aduan mengenai status 9,121 anggota apabila penyerahan aduan berakhir 4 Mac lepas.

Pengerusi jawatankuasa pemandu dan setiausaha agung MCA Datuk Seri Dr Ting Chew Peh pada Selasa berkata 868 nama telah dibuang daripada senarai keanggotaan, yang mewakili hanya 0.1 peratus daripada lebih satu juta anggota MCA.

Dr Ting juga dipetik sebagai berkata oleh sebuah akhbar berbahasa Inggeris bahawa senarai baru keanggotaan MCA adalah 99.9 peratus bersih.

Dr Ling hari ini berkata tiada alasan bagi parti untuk menangguhkan AGM jika ia telah pun memastikan senarai keanggotaan MCA adalah 90 peratus bersih.

"Kita perlu mengambil kira kehendak majoriti... jika ia 80 peratus bersih ini bermakna ia mewakili majoriti," katanya.

Mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad awal minggu ini bahawa perebutan kepimpinan MCA boleh menyebabkan perpecahan di kalangan masyarakat Cina di negara ini, beliau berkata perselisihan itu akan diselesaikan secara baik.

"Kita harus mempunyai satu agenda positif yang proaktif bagi kebaikan masyarakat...kita tidak mahu bergaduh mengenai perkara ini," katanya.

Dr Ling berkata pemilihan parti akan menamatkan masalah kepimpinan yang dihadapi MCA sejak setahun lalu kerana para perwakilan yang menghadiri AGM merupakan kuasa tertinggi parti.

"Mereka (para perwakilan) merupakan pihak berkuasa tertinggi parti, mereka perlu memutuskan apa jenis pemimpin yang mereka mahukan dan memilih yang terbaik," katanya.

-- BERNAMA

SR HK RON